



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	19/10/2019	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### *Engkau pemangsa rupanya!*

**Kota Marudu:** Seorang penduduk tidak menyangka ikan dipelihara di kolam miliknya yang berkurangan sejak akhir-akhir ini rupanya dibaham anak buaya.

Kejadian berlaku di Kampung Salimandut dekat sini, selepas anak buaya ditemui di dalam kolam ketika kerja pembersihan dan pemasangan perangkap biawak dilakukan pekerjaannya di kolam itu, kelmarin.

Menurut pemilik kolam yang dikenali sebagai Hilman, 20, kehadiran haiwan reptilia sepanjang 1.27 meter itu disedari pekerjaannya sebelum memaklumkan kepadanya.

"Pekerja saya turun ke kolam untuk membersihkan kolam dan ketika memungut kayu serta daun, dia terlihat objek bergerak sebelum kepala buaya timbul di permukaan air.

"Pekerja saya segera naik dan memaklumkan perkara itu kepada saya," katanya.

Katanya, dia menyangka ikan peliharaannya berkurangan kerana dimakan biawak.

"Namun sangkaan saya salah apabila menyaksikan sendiri buaya itu," katanya.

Bimbang dengan kehadiran haiwan itu, Hilman menghubungi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) untuk menda-



ANAK buaya yang ditangkap anggota APM di kolam ikan di Kampung Salimandut, Kota Marudu.

patkan bantuan.

Pegawai APM Daerah Kota Marudu, Nazura Marlinda Sabran berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian jam 6.45 pagi dan sepasukan anggota dikerah ke lokasi serta-merta.

"Difahamkan, pengadu memaklumkan pekerjaannya ingin memasang perangkap biawak namun terpaksa dibatalkan selepas me-

lihat buaya di kolam berkenaan.

"Buaya itu kemudian ditangkap menggunakan penjerut sebelum diletakkan di dalam sangkar," katanya.

Nazura berkata, anak buaya seberat enam kilogram (kg) itu akan diserahkan kepada Jabatan Hidupan Liar (JHL) Sabah manakala operasi ditamatkan jam 7.54 pagi.